



SETEM POS  
DI JELASKAN

## PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

### POLISI SEMUA RISIKO (PERIBADI)

**SEMENTARA** Pihak Diinsuranskan melalui Cadangan dan Perisytiharan yang menjadi asas kontrak ini dan disifat digabungkan di dalam kontrak ini telah memohon kepada **PROGRESSIVE INSURANCE BHD** (selepas dari ini dipanggil "Syarikat").

**KINI POLISI INI MENYAKSIKAN** bahawa tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian yang terkandung di dalam atau diendokors keatas Polisi ini yang jika semasa Tempoh Insurans yang ditentukan di dalam Jadual atau semasa mana-mana tempoh berikutnya bagi yang Syarikat setuju menerima premium yang diperlukan bagi pembaharuan Polisi ini, sekiranya berlaku sebarang **KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN FIZIKAL AKIBAT KEMALANGAN** kecuali tidak dimasukkan di bawah Polisi ini, kepada Harta yang diinsuranskan sebagaimana diterangkan di dalam Jadual, di Kedudukan yang ditentukan di dalam Jadual, Syarikat akan tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini melalui pembayaran atau, pada pilihannya, pengambilan semula atau pembaikan, menggantikan rugi Pihak Diinsuranskan dengan cara dan setakat yang dinyatakan di dalam Polisi ini .

#### (A) PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi

1. kerugian atau kerosakan secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau disumbang oleh atau timbul daripada:
  - (a) peperangan serangan perbuatan musuh asing pertempuran atau operasi macam perang (sama ada peperangan diisytihar atau tidak)
  - (b) perang saudara dahagi kegemparan awam yang mengandaikan kadar atau menyamai kebangkitan popular kebangkitan tentera insurreksi pemberontakan revolusi komplot kuasa tentera atau rampasan
  - (c) pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan
  - (d) sebarang perbuatan seseorang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana Organisasi dengan kegiatan ditujukan terhadap penggulingan dengan kekerasan mana-mana Kerajaan de jure atau de facto atau kepada mempengaruhi dengan pengganasan atau keganasan atau perompakan atau penjarahan berhubung dengan kejadian yang tersebut dahulu
2. kerugian atau kerosakan secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada:
  - (a) sinaran pengionan daripada atau pencemaran oleh keradioaktif daripada mana-mana bahan bakar nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan bakar nuklear
  - (b) ciri radioaktif, toksik, letupan atau berbahaya lain atau yang mencemarkan mana-mana kawasan simpanan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear atau komponen nuklear darinya.
  - (c) sebarang senjata atau peranti yang menggunakan pembelahan dan/atau pelakuran atom atau nuklear atau reaksi serupa yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif
  - (d) ciri radioaktif, toksik, letupan atau berbahaya atau yang mencemarkan mana-mana bahan radioaktif. Kekecualian dalam fasal kecil ini tidak memperluas kepada isotop radioaktif, selain daripada bahan bakar nuklear, apabila isotop demikian disediakan, dibawa, disimpan atau diguna bagi perdagangan, pertanian, perubatan, saintifik atau tujuan aman serupa yang lain.
  - (e) perbuatan pengganasan.

Bagi tujuan pengecualian ini, perbuatan pengganasan bermakna perbuatan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutannya oleh seseorang atau kumpulan orang, sama ada bertindak berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain sekiranya Syarikat mengatakan yang kerana peruntukan Syarat ini apa-apa kehilangan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan yang kehilangan atau kerosakan demikian dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

3. sebarang jenis kerugian turutan.
4. kerosakan dan/atau pincang tugas mekanikal mesin
5. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau akibat:
  - (i) penyenggaraan biasa, kemerosotan beransur-ansur, haus, lusuh, karat, kakisan, pencacatan atau pemesongan yang timbul dengan perlahan-lahan mana-mana loji atau mesin, kecacatan, kecacatan terpendam, perubahan suhu atau kelembapan, rama-rama, binatang perosak, anai-anai, serangga atau keburukan sejadi, kegagalan atau kelemahan operasi (atau sebarang variasi suhu) oleh mana-mana sistem hawa dingin, penyejukan atau pemanasan.
  - (ii) pengecutan, penyejatan, menjadi kurang berat, pencemaran, perubahan perasa, warna, tekstur atau kemasan, tindakan cahaya.
  - (iii) pendedahan kepada keadaan cuaca yang Harta Diinsuranskan (tidak termasuk bangunan) ditinggalkan di tempat terbuka dan tidak disimpan di dalam bangunan tertutup sepenuhnya.
6. sebarang kerugian akibat:
  - (i) apa-apa kehilangan yang tidak dapat diperjelaskan mana-mana Harta Diinsuranskan atau kekurangan yang ditunjukkan pada sebarang pengiraan stok atau kekurangan kerana kesilapan perkeranian atau perakaunan;
  - (ii) apa-apa rancangan fraud, muslihat, helah atau kepura-puraan dikenakan keatas Pihak Diinsuranskan atau keatas mana-mana orang yang menjaga harta diinsuranskan pada masa demikian;
  - (iii) ketidaksetiaan atau ketidakjujuran oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan.
7. kerugian atau kerosakan hanya kerana kehilangan, salah letak atau apabila ditinggalkan tidak dijaga kecuali di dalam kenderaan yang dikunci dengan teguh.
8. kerugian atau kerosakan yang timbul daripada perbuatan sengaja atau kecuaiian sengaja Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan.
9. penggoresan permukaan yang bercat atau bergilap.

## **(B) HARTA YANG DIKECUALIKAN**

Polisi ini tidak lindungi:

- (1) wang tunai, cek, nota pos, kiriman wang, setem, nota janji hutang, kad kredit, baucar, bil pertukaran, barang kemas, batu berharga, pakaian bulu, logam berharga atau bulion, benda yang ganjil atau karya seni yang indah, surat ikatan, bon, dokumen bernilai yang lain
- (2) kenderaan bermotor dan kenderaan dan aksesori digerakkan secara mekanikal dan elektrikal, lokomotif kereta api dan enjin, gerabak dan sebagainya kereta api, pesawat air atau pesawat udara dan/atau harta yang terkandung di dalam mana-mana yang baru disebut
- (3) pokok balak tegak, tanaman yang sedang tumbuh, binatang ternakan, empangan, takungan air, terowong, jambatan, limbungan, jeti atau dermaga, melainkan ditentukan di dalam Jadual; harta perlombongan yang terletak di bawah permukaan tanah dan tanah termasuk tanah atas, timbunan balik, sistem perparitan atau pembetung.
- (4) bahagian boleh digunakan sampai habis atau yang boleh diganti termasuk mentol, injap, tiub, fius, bateri, tali, rantai, pita, reben, kad melainkan menjadi perlu oleh kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini
- (5) telefon pegang, telefon bimbit, walkie-talkie, komputer buku, komputer riba, komputer telapak dan pengelola peribadi elektronik, kamera video mudah alih, kamkorder, alat fotografi mudah alih melainkan barang atau kandungan demikian disebut secara khusus di dalam Jadual.

## **SYARAT AM YANG DIGUNA PAKAI KEPADA POLISI INI**

### **1. PEMBATALAN**

Syarikat boleh batalan Polisi ini dengan menghantar notis empat belas (14) hari dengan surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang akhir diketahui dan dalam peristiwa demikian Pihak Diinsuranskan berhak kepada pemulangan bahagian berkadaran premium mengikut Tempoh Insurans yang belum habis.

Polisi boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada Syarikat dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang Tempoh Insurans semasa pada ketika itu Pihak Diinsuranskan berhak kepada pemulangan premium tertakluk kepada kadar tempoh pendek Syarikat bagi tempoh yang Polisi telah dikuatkuasa.

### **2. TATACARA TUNTUTAN**

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan Harta Diinsuranskan atau apa-apa peristiwa yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi, Pihak Diinsuranskan hendaklah pada belanjanya sendiri:

- (a) ambil langkah segera untuk mengurangkan kerugian atau kerosakan kepada harta dan langkah munasabah untuk melindunginya dari kerugian selanjutnya
- (b) beritahu Syarikat dengan serta merta dan jika harta hilang atau jika kecurian atau kerosakan niat jahat disyaki beritahu Polis dan beri bantuan munasabah dalam menyebabkan penemuan dan hukuman mana-mana orang yang bersalah dan dalam mengesan dan pemerolehan semula harta
- (c) dalam masa empat belas hari serahkan secara bertulis maklumat sepenuhnya sebarang tuntutan
- (d) beri Syarikat bukti dan maklumat demikian berkaitan dengan tuntutan sebagaimana mungkin diperlukan dengan munasabah.

### **3. HAK SYARIKAT**

- (a) Syarikat melalui ejen atau orang gajinya berhak kepada:
  - (i) memasuki kedalam atau keatas mana-mana tanah atau bangunan di mana kerugian kemusnahan atau kerosakan telah berlaku dan menjadi pemilik harta yang rosak
  - (ii) berurus dengan sisaan dengan apa-apa cara yang munasabah dengan syarat tidak boleh dalam keadaan apa pun juga Pihak Diinsuranskan meninggalkan sebarang harta kepada Syarikat
- (b) Syarikat pada bila-bila masa pada belanjanya sendiri boleh menggunakan segala cara undang-undang atas nama Pihak Diinsuranskan bagi pemerolehan semula mana-mana Harta yang hilang dan Pihak Diinsuranskan hendaklah beri segala bantuan yang munasabah bagi tujuan itu. Syarikat berhak kepada mana-mana Harta yang diinsuranskan bagi kerugian yang tuntutan dibayar di bawah Polisi ini dan Pihak Diinsuranskan hendaklah sempurnakan semua penyerahhakan dan asurans demikian Harta diinsuranskan demikian sebagaimana mungkin diperlukan dengan munasabah tetapi Pihak Diinsuranskan tidak berhak untuk meninggalkan apa-apa harta kepada Syarikat.

### **4. SUBROGASI**

Dengan belanja Syarikat, Pihak Diinsuranskan hendaklah buat dan bersetuju dalam membuat dan benarkan untuk buat semua perbuatan dan perkara demikian sebagaimana mungkin perlu atau dengan munasabah dikehendaki oleh Syarikat bagi tujuan menguatkuasakan apa-apa hak dan pembetulan atau mendapatkan gantian dan indemniti daripada pihak lain kepada yang Syarikat menjadi atau akan jadi berhak atau pewaris hak apabila ia membayar atau mengganti rugi mana-mana kehilangan atau kerosakan di bawah Polisi ini sama ada perbuatan dan perkara itu akan atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas ganti rugi oleh Syarikat.

### **5. PASANGAN ATAU SET**

Sekiranya mana-mana barang Harta Diinsuranskan mengandungi barang berpasangan atau set, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang atau rosak tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barang demikian mungkin ada sebagai bahagian daripada pasangan atau set demikian mahu pun lebih daripada bahagian bersekadar Jumlah diinsuranskan pasangan atau set.

### **6. LEBIHAN**

Indemniti yang disediakan oleh Polisi ini tidak terpakai kepada atau pun menyertakan amaun pertama setiap kerugian atau kerosakan yang diterangkan di dalam Jadual sebagai Lebihan.

### **7. FRAUD**

Jika tuntutan dibuat oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan yang dalam sebarang hal tidak berasas atau fraud atau diperbesar-besarkan dengan sengaja atau apa-apa perisytiharan atau kenyataan palsu dibuat dalam menyokongnya, tidak ada tuntutan dapat diperolehi di bawah Polisi ini.

### **8. SUMBANGAN/INSURANS LAIN**

Jika pada masa sebarang kerugian atau kerosakan berlaku kepada mana-mana Harta Diinsuranskan, tidak terdapat sebarang insurans lain, sama ada diambil oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh mana-mana orang lain, melindungi harta yang sama, Syarikat tidak bertanggungjawab membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpal kerugian atau kerosakan sedemikian.

Dalam segala hal sekiranya terdapat sebarang insurans lain yang wujud diambil oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh mana-mana orang lain melindungi mana-mana Harta Diinsuranskan sama ada secara eksklusif atau bersama dengan mana-mana harta lain dan insurans lain demikian tertakluk kepada purata maka insurans keatas harta demikian di bawah Polisi ini hendaklah juga tertakluk kepada purata dengan cara yang serupa.

### **9. PURATA**

Diisytiharkan bahawa jika Harta Diinsuranskan pada masa kerugian atau kerosakan berlaku secara bersama mempunyai nilai yang lebih besar daripada Jumlah Diinsuranskan oleh Polisi ini, maka Pihak Diinsuranskan dianggap menjadi penanggung insuransnya sendiri bagi perbezaan itu, dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal kerugian sepatutnya. Setiap barang Polisi, jika lebih daripada satu, tertakluk berasingan kepada syarat ini.

## 10. PENIMBANG TARA

Jika apa-apa perbezaan timbul tentang amaun untuk dibayar di bawah Polisi ini (sebaliknya liabiliti diakui) perbezaan demikian dirujuk kepada penimbang tara yang dilantik mengikut peruntukan berkanun mengenai timbang tara yang berkuatkuasa bagi masa ini.

Sekiranya apa-apa perbezaan dengan syarat ini dirujuk kepada timbang tara pembuatan award menjadi syarat duluan kepada sebarang hak tindakan terhadap Syarikat.

Melainkan mana-mana tindakan atau guaman demikian dimulakan dalam masa enam bulan dari pembuatan award Syarikat tidak bertanggungjawab membuat apa-apa pembayaran melebihi amaun award.

## 11. PERMULAAN TIMBANG TARA ATAU TINDAKAN MAHKAMAH

Jika Syarikat menawarkan amaun sebagai penyelesaian atau menafikan liabiliti bagi mana-mana tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan demikian tidak dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh tawaran atau penafian demikian telah dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan terkandung di dalam Polisi atau sekiranya liabiliti dipertikai, dibuat tertakluk kepada tindakan mahkamah yang belum selesai maka tuntutan hendaklah bagi segala tujuan disifatkan telah ditinggalkan dan tidak boleh diperoleh semula di bawah Polisi ini.

## FASAL/PENGENDORSAN/WARANTI YANG BERIKUT DIGUNAPAKAI KEPADA POLISI

### FASAL JENAYAH PECAH AMANAH

Syarikat tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau dianggap berpunca daripada perbuatan Jenayah Pecah Amanah (CBT) oleh mana-mana orang yang mana perbuatan tersebut termasuk didalam takrif kesalahan Jenayah Pecah Amanah (CBT) seperti yang terkandung didalam Kanun Keseksaan.

Jenayah Pecah Amanah (CBT) adalah ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan sebagai "mana-mana orang, ada dalam apa-apa cara dipertanggungjawab dengan harta benda, atau mempunyai kuasa keatas suatu harta benda yang dimaksudkan untuk kegunaan sendiri, atau secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan harta benda tersebut dengan cara yang bertentangan dengan arahan pelaksanaan amanah tersebut atau sebarang kontrak, samada secara tersurat atau tersirat, yang telah dibuatnya berkaitan dengan pelaksanaan amanah tersebut, atau membiarkan orang lain untuk berbuat seumpamanya, adalah telah melakukan Jenayah Pecah Amanah.

### FASAL SYARAT TERDAHULU

Kesahihan polisi ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat terdahulu iaitu:-

- a) Penama yang dinamakan didalam risiko yang diinsuranskan tidak pernah mempunyai sebarang perlindungan insurans yang telah diberhentikan dalam tempoh 12 bulan sebelumnya atas sebab, samada sepenuhnya atau pun sebaliknya, pelanggaran sebarang syarat waranti premium.
- b) Jika penama yang diinsuranskan telah membuat pengisytiharan bahawa ia telah pernah melanggar mana-mana peraturan waranti premium didalam polisi insurans terdahulu yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang lain didalam tempoh 12 bulan:
  - i) Orang yang telah diinsuranskan telah melunaskan sepenuhnya bayaran premium yang tertunggak untuk tempoh risiko yang ditentukan oleh syarikat insurans yang lalu yang mana pengiraannya adalah berdasarkan pengiraan jangka masa pendek seperti amalan biasa ke atas polisi tersebut.
  - ii) Salinan bukti pembayaran premium dari pihak syarikat insurans yang lalu yang mengesahkan pembayaran sedemikian hendaklah dikemukakan oleh orang yang diinsuranskan kepada pihak syarikat insurans sebelum perlindungan diberikan.

### FASAL PENJELASAN SIBER

Polisi tidak memasukkan secara khusus sebarang jenis kerugian secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh, timbul daripada atau mengandungi, keseluruhan atau sebahagian:

- (a) penggunaan atau salah guna internet atau kemudahan serupa
- (b) sebarang penghantaran elektronik data atau maklumat lain
- (c) sebarang virus, ulat, bom logik, kuda Troy komputer atau masalah serupa
- (d) penggunaan atau salah guna mana-mana alamat internet, tapak web atau kemudahan serupa
- (e) sebarang data atau maklumat lain dipamerkan di tapak web atau kemudahan serupa
- (f) sebarang kehilangan data atau kerosakan kepada mana-mana sistem komputer, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkakasan atau perisian
- (g) berfungsinya atau tidak berfungsinya internet atau kemudahan serupa atau mana-mana alamat internet, tapak web atau kemudahan serupa
- (h) sebarang pelanggaran sama ada sengaja atau tidak sengaja mana-mana hak harta intelektual (termasuk tetapi tidak terhad kepada tanda dagang, hak cipta atau paten).

### FASAL PENIPUAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau dianggap berpunca daripada perbuatan Penipuan oleh mana-mana orang yang mana perbuatan tersebut termasuk didalam takrif Penipuan seperti yang terkandung didalam Kanun Keseksaan.

Penipuan (Penipuan) sebagai dijelaskan dalam Kanun Keseksaan seperti berikut:-

"Mana-mana orang, yang memperdayakan seseorang yang lain, dengan cara tipu muslihat atau secara tidak jujur menyebabkan orang yang diperdayakan memberikan apa-apa harta kepada mana-mana orang atau meredakan mana-mana orang untuk mendapatkan hak keatas apa-apa harta, atau dengan sengaja menyebabkan orang diperdayakan untuk melakukan atau meninggalkan untuk melakukan sesuatu yang dia, jika tidak diperdayakan, tidak akan berbuat demikian dan sebarang perbuatan atau peninggalan yang berkemungkinan untuk menyebabkan kerosakan keatas orang yang terpedaya dari segi jasad, minda, reputasi atau harta benda, adalah dikatakan 'menipu'.

### FASAL PENGECAMAN TARIKH ELEKTRONIK

- A. Syarikat tidak akan bayar bagi sebarang kehilangan atau kerosakan termasuk kehilangan kegunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), belanja tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh, terdiri dari, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakmampuan mana-mana komputer, alat pemprosesan data, mikro cip media, sistem kendalian, mikropemproses (cip komputer), litar bersepadu atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Pihak Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000 yang diakibatkan daripada kegagalan atau ketidakmampuan peranti dan/atau perisian demikian sebagaimana disenaraikan di atas untuk:
  - (i) mengecam secara betul sebarang tarikh sebagai tarikh kalendarnya yang benar
  - (ii) menangkap, menyimpan atau mengekalkan dan/atau memanipulasikan, mentafsirkan atau memproses sebarang data atau maklumat atau perintah atau arahan secara betul sebagai akibat memperlakukan sebarang tarikh selain daripada tarikh kalendarnya yang benar; dan/atau
  - (iii) Menangkap, menyimpan, mengekalkan dan/atau memproses sebarang data secara betul sebagai akibat pengendalian sebarang perintah yang telah diaturcarakan kedalam mana-mana perisian komputer, suatu perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakmampuan untuk menangkap, menyimpan, mengekalkan atau proses secara betul data demikian pada atau selepas mana-mana tarikh.
- B. Difahami selanjutnya bahawa Syarikat tidak akan bayar bagi pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian mana-mana sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian mana-mana peranti dan/atau perisian sebagaimana disenaraikan dalam A di atas

## **FASAL PEMBAYARAN AKAUN**

Sekiranya berlaku kerugian di bawah insurans ini Syarikat setuju membuat pembayaran atas akaun berkaitan dengan kerugian demikian kepada Pihak Diinsuranskan jika begitu dikehendaki.

## **WARANTI PREMIUM**

Adalah menjadi syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Syarikat berhak keatas premium pro rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.

Apabila premium yang kena dibayar mengikut waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang diberi kuasa, pembayaran tersebut hendaklah disifat telah diterima oleh Syarikat bagi maksud waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium yang kena dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium hendaklah terletak pada Syarikat.

Sebaliknya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi.

## **FASAL PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DIINSURANSKAN**

Sekiranya berlaku kerugian, insurans di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuatkuasa bagi jumlah penuh diinsuranskan dan Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab membayar premium tambahan pada kadar yang dinyatakan di dalam polisi dikira atas amaun kerugian pada asas pro rata dari tarikh kerugian demikian ke tamat tempoh insurans semasa.

## **FASAL/PENGENDORSAN/WARANTI YANG BERIKUT TIDAK DIGUNAPAKAI MELAINKAN DISEBUT SECARA KHUSUS DI DALAM JADUAL ATAU DIENDORS KEPADANYA**

### **FASAL INSURANS BERSAMA DAN PENERAJU**

Sebarang rujukan kepada "Syarikat" disifat bermakna Syarikat-Syarikat sebagaimana dinyatakan di dalam jadual yang tiap-tiap satu setuju bagi bahagian yang ditetapkan bertentangan namanya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat di dalam atau dilampirkan bersama-sama atau diendors keatas ini, bahawa jika semasa tempoh insurans yang dinyatakan di dalam jadual pihak diinsuranskan mengalami kerugian atau kerosakan dalam keadaan yang diperuntukkan oleh Polisi ini menggantikan rugi pihak diinsuranskan dengan cara yang diterangkan di dalam ini.

Selanjutnya diisytihar dan dipersetujui walaupun terdapat apa-apa yang terkandung bertentangan bahawa peneraju penanggung insurans bersama diberi kuasa menandatangani Polisi/Pengendorsan/Resit Pembaharuan.

Dalam semua hal Polisi ini hendaklah mempunyai kesan seolah-olah tiap-tiap syarikat insurans yang disebut di atas telah mengeluarkan polisi berasingan bagi bahagian individunya jumlah yang diinsuranskan

### **FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN**

Insurans ini tidak akan dijejaskan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau peninggalan tidak sengaja dalam memberitahu Syarikat mana-mana keadaan atau peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan kepada tuntutan di bawah Polisi ini dengan syarat yang:

- (a) kelewatan demikian dalam pemberitahuan tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kejadian kerugian.
- (b) hak Syarikat untuk mendapat kembali (atas nama Pihak Diinsuranskan atau sebaliknya) daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab bagi kerugian telah tidak dijejaskan.
- (c) beban membuktikan yang kerugian telah berlaku hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

Sebaliknya tertakluk kepada Terma, Pengecualian dan Syarat Polisi.

### **PENGENDORSAN PEMAJAKAN**

Dengan ini diisytihar dan dipersetujui bahawa "institusi kewangan" yang ditentukan di dalam Jadual (selepas dari ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Harta diinsuranskan oleh Polisi ini atau barang demikian sebagaimana ditentukan di dalam Jadual dan bahawa harta demikian adalah perkara Perjanjian Pemajakan yang dibuat di antara Pemberi Pajak di satu pihak dan Pihak Diinsuranskan di pihak lain.

Selanjutnya difahami dan dipersetujui bahawa sebarang pembayaran dibuat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan tidak diganti rugi dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah terma Polisi ini hendaklah dibuat oleh Pemberi Pajak selagi mereka pemilik Harta dan resit mereka menjadi pelepasan lengkap dan muktamad kepada Syarikat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan demikian.

Difahami dan dipersetujui bahawa walaupun apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pemajakan yang bertentangan Polisi ini dikeluarkan kepada Pihak Diinsuranskan sebagai pihak utama dan tidak sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan tidak ada di dalam ini ditafsirkan sebagai menjadikan Pihak Diinsuranskan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak atau sebagai serah hak (sama ada undang-undang atau saksama) oleh Pihak Diinsuranskan kepada Pemberi Pajak akan hak, faedah dan tuntutannya di bawah Polisi ini, tidak ada di dalam ini ditafsirkan sebagai memberi apa-apa hak kepada Pemberi Pajak untuk menyaman Syarikat dalam sebarang kapasiti apa pun bagi sebarang pelanggaran kewajibannya yang didakwa di bawah ini

### **FASAL PENERIMA GADAI JANJI**

Kerugian, jika ada, yang kena dibayar kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual, kepentingan mungkin tercatat di dalam insurans ini, sebagai kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hanya di situ, tidak dibatalkan oleh perbuatan atau pengabaian oleh Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta yang diterangkan di dalam mahu pun apa-apa penutupan atau prosiding lain atau notis penjualan berkaitan dengan harta atau pendudukan premis bagi tujuan lebih berbahaya daripada diizinkan oleh Polisi ini, atau oleh bukan pendudukan dengannya atau melalui apa-apa peningkatan risiko berlaku dalam Harta Diinsuranskan di bawah ini.

Dengan syarat bahawa jika Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik abai untuk bayar apa-apa premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah bayar premium itu bila dikehendaki.

### **FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA**

Sekiranya Harta Diinsuranskan dalam polisi hilang, musnah atau rosak, asas yang amaun yang kena dibayar dikira hendaklah kos pengambilan semula atau penggantian harta demikian kepada keadaan serupanya, tetapi tidak lebih baik atau lebih luas daripada keadaannya bila baru.

Jika pada masa pengembalian semula atau penggantian jumlah yang merupakan kos yang sepatutnya telah ditanggung dalam pengembalian semula atau penggantian jika seluruh harta yang dilindungi telah hilang, musnah atau rosak melebihi jumlah diinsuranskan padanya pada permulaan apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada harta demikian, maka Pihak Diinsuranskan dianggap sebagai penanggung insuransnya sendiri perbezaan itu dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal kehilangan atau kerosakan sewajarnya. Setiap barang polisi ini (jika lebih daripada satu) hendaklah tertakluk secara berasingan kepada fasal ini.

Sebaliknya tertakluk kepada terma atau syarat Polisi

### **PENGENDORSAN KEROSAKAN RUSUHAN MOGOK DAN NIAT JAHAT**

- (i) Polisi memperluas untuk lindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok yang bagi tujuan ini hendaklah bermakna kerugian atau kerosakan kepada Harta Diinsuranskan secara langsung disebabkan oleh:
  - (a) perbuatan seseorang mengambil bahagian dengan yang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada berhubung dengan mogok atau sekat masuk atau tidak)

- (b) tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah dalam menamatkan atau cuba untuk tamatkan mana-mana gangguan demikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana gangguan demikian.
  - (c) perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk dilakukan dalam perlanjutan mogok atau dalam penentangan kepada sekat masuk
  - (d) tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah dalam menghalang atau mencuba untuk halang mana-mana perbuatan demikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan demikian.
- (ii) Polisi memperluas untuk lindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan ini hendaklah bermakna "Kerugian atau kerosakan kepada Harta Diinsuranskan (tidak termasuk setiap jenis stok dan barang dagangan) secara langsung disebabkan oleh perbuatan niat jahat seseorang (sama ada perbuatan demikian dilakukan semasa gangguan ketenteraman awam)".

**PENTING – Kami patut mengingatkan anda bahawa anda mesti mendedahkan kepada kami dengan sepenuhnya dan sejujurnya fakta yang anda ketahui, patut ketahui, kerana jika tidak, anda mungkin tidak menerima apa-apa faedah daripada Polisi anda. Orang yang Diinsuranskan diminta membaca Polisi ini. Sekiranya terdapat mana-mana ralat dan salah gambaran, Polisi hendaklah dikembalikan kepada pejabat pengeluar bagi pembetulan.**